

Cabaran didik, bimbing lima anak autisme

Oleh Mohd Amin Jalil - Jun 5, 2025 @ 12:54pm



Nisah bersama anaknya, Mustaqim dan Angah. - Foto ihsan Nisah Haron

MEMBESAR dan mendidik lima anak autisme bukan suatu tugas mudah, lebih-lebih lagi untuk memahami sikap dan kerenah anak istimewa itu yang berbeza antara satu sama lain.

Pengalaman dan cabaran itulah dilalui novelis terkenal, Nisah Haron, yang mempunyai lima anak autisme dan hanya mahu dikenali sebagai Along, 25, Angah, 24, Alang, 22, Ateh, 18, dan Mustaqim berusia 17 tahun.

Meskipun berhadapan pelbagai cabaran, beliau berjaya membesarkan dan mendidik semua anaknya dengan baik, malah ada melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi atau universiti.

Nisah berkata, anak sulungnya kini sedang melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), manakala Angah kini mahasiswi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

"Along sedang meneruskan pengajian di Universiti of Tsukuba, Jepun, manakala Ateh dan Mustaqim masih bersekolah di peringkat menengah," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Katanya, kelima-lima anaknya itu dikenali autisme sokongan rendah (low-support autisme) kerana dilihat boleh mandiri, tetapi memerlukan sokongan emosi daripada orang sekeliling.

"Di hadapan orang luar, kelihatan normal kerana keadaan mereka tersembunyi atau disebut *masking* (memakai 'topeng').

"Kami suami isteri sudah lama menerima keadaan mereka dan memahami kelainan cara masing-masing menguruskan kehidupan. Neurodiversiti mereka ini mempunyai kekuatan tersendiri dan bukan sesuatu yang membataskan.

"Mustaqim misalnya, enggan ke tadika pada usia enam tahun, berbanding abang dan kakaknya yang lebih bersemangat.

"Dia petah bercakap, tetapi bertukar menjadi pemalu di hadapan orang luar. Suka bercakap mengenai subjek diminatinya sahaja.

"Disebabkan enggan ke sekolah, kami perlukan surat doktor dan dirujuk ke klinik, kemudian kepada pakar pediatrik. Di situlah bermulanya perjalanan kami mengenali autisme," katanya.

Nisah yang juga pemegang dua ijazah sarjana iaitu Sarjana Undang-Undang (2006) dan Sarjana Kesusasteraan Melayu (2013) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, Mustaqim mempunyai isu sensori seperti bunyi dan sentuhan.

Katanya, anaknya itu berbeza dengan orang lain yang boleh mengabaikan bunyi tertentu dan fokus kepada satu bunyi. Namun, Mustaqim kurang mengalami tantrum atau meltdown dan dapat menguruskan emosinya dengan baik.

"Pertemuan dan rawatan bersama juruterapi membantunya mengurus diri dan persekitarannya, malah dia boleh memasak untuk dirinya dan untuk orang lain.

"Dia belajar sendiri untuk mengenal huruf dan pembelajarannya melalui YouTube. Kami mendaftarkan dia masuk ke sekolah yang ada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)," katanya.

Mengenai Ateh pula, Nisah berkata, dia anak kedua didiagnosis selepas COVID-19 pada Mac 2020 ketika berada di Tingkatan Satu.

Beliau berkata, sejak kecil, anaknya itu sensitif pada makanan tertentu dan juga bau.

"Pada peringkat awal, kami jangka ini bukan autisme kerana dia masih mampu mengurus diri ke sekolah. Selepas PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) tamat pada pertengahan 2022, Ateh terasa tiba-tiba dia sudah berada Tingkatan Tiga.

"Kelas yang tidak menentu mengganggunya, cuma dia tidak tahu bagaimana untuk menerangkan. Akhirnya, timbul rasa cemas luar biasa untuk ke sekolah semula. Kami syak inilah 'anxiety' dan bawa dia klinik, kemudian dirujuk kepada pakar psikologi kanak-kanak," katanya.

Pastikan anak tidak keciciran

Menurut Nisah, Ateh dihantar memasuki GiatMARA bagi mengelak keciciran, selain minatnya pada aktiviti menjahit pakaian dan mencipta fesyen.

"Namun Ateh ada kekuatan tersendiri kerana boleh menguasai bahasa Jepun. Dia boleh membuat terjemahan mudah setanding dengan minat dan usianya.

"Walaupun tidak menduduki SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), kami daftarkan dia untuk mengambil peperiksaan bahasa Jepun supaya dia boleh meneruskan minatnya," katanya.



Ateh sewaktu menjalani terapi di klinik di Seremban.

Mengenai Along pula, Nisah menjelaskan sikap anaknya itu sedikit aneh kerana pendiam dan berbeza daripada orang lain.

Menurutnya, dia nampak normal dan fokus dengan hal yang diminatinya, namun apabila keputusan matematiknya menurun, bantuan diperlukan.

"Along mampu menghafal sajak yang menjadi teks dan mampu menganalisis semua karya diberikan sehingga dia memperoleh B+ untuk subjek kesusasteraan Inggeris.

"Dia melanjutkan pengajian di UNIMAS, tetapi terpaksa menangguhkannya apabila mengalami kemurungan. Selepas mendapatkan rawatan, dia disahkan autisme dewasa.

"Angah pula dikategorikan budak pandai, tetapi tidak ramai kawan. Dia 'struggle' di universiti apabila kaedah pembelajaran di sekolah dan di kampus amat berlainan. Kami rehatkan dia di universiti dan dapatkan rujukan daripada pakar psikatri bagi mendapatkan diagnosis yang betul," katanya.

Menurut Nisah, apabila disahkan autisme, beliau mendaftarkan Along, Ateh dan Mustaqim sebagai anak orang kurang upaya (OKU) yang mempunyai Kad OKU.

Katanya, hasil diagnosis didapati, selain ada autisme, ada anaknya juga mempunyai Attention-deficit/hyperactivity disorder (ADHD).

"ADHD ini dikaitkan dengan 'hyper' iaitu tidak boleh duduk diam di satu tempat. Alang dan Angah didiagnosis ada ADHD," katanya.

Katanya, selepas dapat memahami semua diagnosis anaknya, beliau dapat menyokong mereka mengikut keperluan tersendiri.

"Hakikatnya, di sekolah, mereka mempunyai personaliti berbeza dan pendiam, tapi sangat petah di rumah. Mereka seperti beradaptasi supaya dapat dilihat normal dan diterima rakan sebaya.

"Ini bermakna mereka berusaha menjadi sesuatu yang bukan dirinya sendiri. Autisme ini dikesan selepas mereka remaja atau dewasa, berbanding Mustaqim yang dikesan pada awal," katanya.

'Syukuri anugerah istimewa, usah anggap sebagai beban'

Biarpun kelima-lima anaknya didiagnosis autisme, Nisah tidak pernah menganggap ia suatu kekurangan.



Nisah Haron. - Foto NSTP/Mohd Amin Jalil

Sebaliknya, beliau percaya anak istimewa ada kelebihan tertentu yang Allah kurniakan.

Menurutnya, semua pihak terutama ibu bapa perlu mempunyai kesedaran dan empati dalam memahami anak autisme dan bukan sekadar menilai serta menghukum dari jauh.

"Kepada ibu bapa yang mempunyai anak autisme, jangan beranggapan mereka itu sebagai suatu beban sebaliknya jadikan ia pembakar semangat dan lahirkan rasa syukur atas kurniaan Allah.

"Jangan beranggapan 'anak aku tak ada apa-apa'. Banyak maklumat dan perkongsian boleh digunakan untuk membimbing dan membentuk anak autisme yang berjaya," katanya.

Beliau juga menggesa masyarakat memahami pelbagai jenis spektrum autisme, jenis ADHD dan fahami sensitiviti golongan ini supaya mereka semua dapat sama-sama diraikan.